

Hubungan antara peritraumatic dissociative dan peritraumatic distress dalam kalangan sampel mangsa banjir di Kuching, Sarawak

ABSTRAK

Individu yang terdedah kepada peristiwa peristiwa traumatik (spt., bencana banjir) didapati mengalami distress dan disosiatif peritraumatik pada masa dan selepas beberapa minit atau jam peristiwa tersebut. Meskipun begitu, hubungan antara distress dan disosiatif yang dialami pada masa peristiwa traumatik masih kurang jelas. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menguji perkaitan antara distress dan disosiatif peritraumatik dalam kalangan mangsa banjir. Seramai 116 mangsa banjir dari Daerah Kuching dan Daerah Kecil Siburan, Kuching Sarawak terlibat sebagai responden kajian. Kedua-dua daerah ini merupakan kawasan kawasan yang dilanda banjir pada penghujung tahun 2014 dan awal tahun 2015. Responden dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan. Data dikutip dengan menggunakan soal selidik Peritraumatic Distress Inventory dan Peritraumatic Dissociative Experiences Questionnaire. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa distress dan disosiasi peritraumatik mangsa banjir berhubungan secara positif dan signifikan. Dapatan ini mencadangkan bahawa sementara disosiasi peritraumatik dialami seurus selepas berlakunya peristiwa traumatik, pada masa yang sama distress peritraumatik juga dialami oleh mangsa banjir. Respons disosiatif mungkin berlaku dalam konteks distress yang meningkat.